

AKHBAR : THESUN DAILY
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATIONAL



TOWARDS BETTER VISION ...

Education Minister Fadhlina Sidek observing Health Minister Datuk Seri Dzulkefly Ahmad putting a pair of free spectacles on a pupil at Sekolah Kebangsaan Putrajaya Precint 9(2) under a programme to correct the eyesight of Year 1 pupils in the B40 and M40 groups.
— BERNAMAPIC

RM12b allocated for beefing up defence assets

KUALA LUMPUR: A total of RM12 billion has been allocated to the Malaysian Armed Forces for the acquisition of assets to enhance the country's defence capabilities this year, said Defence Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

He said among the major asset acquisitions approved this year are 105-millimetre cannons, surface-to-surface missiles for the *KD Jebat* frigate and three units of Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System.

He said the ministry would ensure that the construction of other important assets, such as the Littoral Combat Ship (LCS) 1, which is now 96.52% complete and has commenced Harbour Acceptance Test and Sea Acceptance

Test, would progress as scheduled.

"LCS2 has also been launched and is undergoing work requirements, while LCS3 is in final preparations for its planned launch in January 2026.

"As for the construction of the second batch of littoral mission ships, work progress for all three ships is expected to reach 13.8% overall by June 2025," he said when delivering the minister's 2025 New Year Message at Wisma Perwira yesterday.

Also present were Armed Forces Chief Jen Tan Sri Mohammad Ab Rahman, Deputy Defence Minister Adly Zahari and the ministry's Secretary-General Datuk Lokman Hakim Ali.

Mohamed Khaled said the construction of

FA-50M (Block 20) light fighter aircraft acquired from Korea Aerospace Industries has reached 48% progress, with the first two aircraft to be received by the country in October 2026.

The ministry signed a contract to procure 18 FA-50M light fighter aircraft worth approximately RM4 billion in 2023.

Mohamed Khaled added that the ministry would receive two maritime patrol aircraft in June and September 2026 for monitoring the country's maritime areas.

He said the plan to increase the capabilities of the armed forces assets is among the 10 main focuses outlined in the ministry's 2025 plan to ensure that the country's defence system meets current needs and challenges.
— Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MISK D/NEGERI 17/1/2025 (JUMAAT)

Program kesihatan mata murid diperluas ke seluruh negara

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan (KPM) akan memperluaskan program pembetulan ketajaman penglihatan mata kepada murid Tahun 1 daripada keluarga B40 serta M40, keseluruh negara dalam usaha meningkatkan kesihatan mata golongan berkenaan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, inisiatif KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) itu penting bagi memastikan isu kesihatan penglihatan murid terus diberi keutamaan.

Beliau berkata, program itu juga penting sebagai jalan penyelesaian kepada masalah pembelajaran anak-anak di sekolah.

“Insyaa-Allah program ini akan kita perluaskan dan ini komitmen kita bersama,” katanya pada Majlis Penyerahan Kaca Mata Bagi Program Pemeriksaan Refraksi dan Penajaan Pembetulan Ketajaman Penglihatan Murid Sekolah di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9(2), Presint 9, di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly



FADHLINA Sidek dan Dr. Dzulkefly Ahmad bersama murid-murid selepas penyampaian Bantuan Awal Persekolahan dan penyerahan kaca mata di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9 (2), Putrajaya, semalam.

Ahmad berkata, pihaknya menetapkan sasaran pengesanan ketajaman penglihatan melebihi lima peratus daripada jumlah murid yang diperiksa berbanding ketika ini sekitar 3.5 peratus.

“Kami akan sentiasa memantau masalah ketajaman penglihatan murid melalui pemerik-

saan Pasukan Kesihatan Sekolah di bawah KKM, yang mana murid-murid ini akan dirujuk untuk mendapatkan pembetulan ketajaman penglihatan melalui pemakaian cermin mata,” katanya.

KKM juga katanya, menyedari ada murid (mengalami

masalah penglihatan) yang tidak memakai cermin mata akibat kekangan kewangan.

Justeru, KKM akan bekerjasama dengan badan terlibat bagi melaksanakan projek rintis-pengesahan masalah ketajaman penglihatan dan pemberian kaca mata percuma.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL



Fadhlina dan Dr Dzulkefly bersama murid Tahun 1 pada Majlis Penyerahan Kaca Mata Bagi Program Pemeriksaan Refraksi dan Penajaan Pembetulan Ketajaman Penglihatan Murid Sekolah di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

BERITA HARIAN M17 NASIONAL 17/1/2025 (JUMAAT)

Program bantu murid B40, M40 rabun diperluas

Kementerian prihatin isu penglihatan lancarkan proses pembelajaran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Program pembetulan ketajaman penglihatan mata kepada murid Tahun 1 daripada keluarga B40 dan M40 akan di-

perluaskan ke seluruh negara dalam usaha meningkatkan kesihatan mata golongan berkenaan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata inisiatif Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) itu bagi memastikan isu kesihatan penglihatan murid terus diberi keutamaan.

“Program ini amat baik kerana sebelum ini kita hanya ada program pemberian kaca mata sahaja, tetapi hari ini (program) pengkhususan yang sebenarnya, itulah penyelesaian pada masalah pembelajaran kepada anak ini yang mesti kita ambil perhatian.

“Jadi Insya-Allah program ini akan kita perluaskan dan ini komitmen kita bersama,” katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Kaca Mata Bagi Program Pemeriksaan Refraksi dan Penajaan Pembetulan Ketajaman Penglihatan Murid Sekolah di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Program dengan kerjasama Optimax Eye Specialist Center Sdn Bhd menyaksikan 258 murid Tahun 1 kategori B40 dan M40 dari 16 sekolah sekitar Putrajaya menjalani pemeriksaan refraktif sebelum 100 daripadanya dikenal-

pasti memerlukan cermin mata.

Program rintis

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, program rintis berkenaan bagi membolehkan murid tidak berdepan sebarang masalah penglihatan ketika mengikuti proses pembelajaran.

“Ini adalah satu program rintis yang sangat baik dan kita tahu bahawa rabun atau masalah refraksi ketidaktajaman penglihatan ini satu cabaran yang besar bagi murid.

“Mereka akan tergendala dalam pembelajaran dan pengajaran. Jadi sangat mustahak untuk ditangani segera,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

KOSMO m/s 8 NEWARA 17/1/2025 (JUMAAT) Program pengesanan, pembetulan ketajaman penglihatan mata murid diperluas

PUTRAJAYA – Program pengesanan dan pembetulan ketajaman penglihatan mata kepada murid Tahun 1 daripada keluarga B40 serta M40 akan diperluas ke seluruh negara.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, inisiatif Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) itu penting bagi memastikan isu kesihatan penglihatan murid terus diberi keutamaan.

Beliau berkata, program ini juga penting sebagai penyelesaian kepada masalah pembelajaran anak-anak di sekolah.

"Insyallah, program ini akan kita perluaskan dan ini komitmen kita bersama," katanya



FADHLINA (empat dari kiri) bersama Dr. Dzulkefly (tengah) pada majlis penyerahan kaca mata kepada pelajar di Putrajaya semalam.

ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Kaca Mata Bagi Program Pemeriksaan Refraksi dan Penajaan Pembetulan Ketajaman Penglihatan Murid Sekolah di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9(2), Presint 9, di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya menetapkan sasaran pengesanan ketajaman penglihatan melebihi lima peratus daripada jumlah murid yang diperiksa.

Buat masa ini, katanya, sasaran itu masih belum dapat dicapai memandangkan pengesanan berada pada sekitar 3.4 peratus ke 3.5 peratus.

"Kami akan sentiasa meman-

tau masalah ketajaman penglihatan murid sekolah melalui pemeriksaan oleh Pasukan Kesihatan Sekolah di bawah KKM.

"Murid-murid ini terlebih dahulu akan dirujuk untuk mendapatkan pembetulan ketajaman penglihatan melalui pemakaian cermin mata," katanya.

Katanya, pihaknya juga menyedari bahawa masih ada sebilangan murid yang tidak memakai cermin mata ekoran kekurangan kewangan.

Justeru katanya, KKM akan bekerjasama bersama badan terlibat bagi melaksanakan projek rintis pengesanan masalah ketajaman penglihatan dan pemberian kaca mata percuma.